Penggolongan Kata Bahasa Mendriq Negrito: Satu Penelitian Rintis

Harishon Radzi
Fazal Mohamed bin Mohamed Sultan
Zaharani Ahmad
Nor Hashimah Jalaluddin
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Di Malaysia kelompok minori orang asli terdiri daripada tiga kumpulan besar iaitu Negrito, Senoi dan Proto-Malaya berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti bahasa, cara hidup dan ciri-ciri fizikal. Kriteria tersebut sebenarnyalah yang cuba dipertahankan sebagai identiti warisan meskipun semakin terkesan kerana pengaruh kumpulan majoriti dalam persekitaran kehidupan. Kumpulan Orang Asli terawal yang datang ke Tanah Melayu ialah dari kelompok Negrito (Iskandar Carey,1976). Kumpulan monoriti ini dianggap *'aborigines'* yang lebih membawa makna sebagai masyarakat mundur, primitif dan masalah tidak membangun (Jasman Ahmad dan Rosnah Ramli dalam Abd Talib Bon, 2002 :1). Makalah ini membicarakan tentang bahasa Mendriq yang dipertuturkan oleh kumpulan orang asli Negrito di Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan (kira-kira 300 orang penduduk). Elemen kebahasaan seperti aspek morfologi bahasa Mendriq masih dapat dikesan dan menjadi salah satu ciri keunggulan bagi kumpulan Negrito. Hasil penelitian menunjukkan bahawa, meskipun bahasa Mendriq sudah bercampur baur dengan bahasa asli lain seperti bahasa Temiar kerana faktor perkahwinan dan bahasa Melayu kerana keperluan kehidupan, namun ciri-ciri khusus bahasa tersebut seperti mempunyai banyak perkataan satu suku kata masih boleh dikesan dan dianalisis. Fokus makalah ini secara deskriptif berpendekatan struktural terhadap bentuk-bentuk penggolongan kata seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata sendi nama. Di samping itu, makalah ini turut membicarakan pola kehadiran binaan suku kata dalam bahasa Mendriq. Jelaslah bahawa bahasa bukan sahaja memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia untuk tujuan interaksi sesama makhluk. Namun, bahasa seperti bahasa Mendriq ini juga memainkan peranan yang amat besar untuk membezakan satu suku dengan satu suku yang lain serta satu kaum dengan kaum yang lain walaupun statusnya bersifat minoriti sahaja.

Kata Kunci: minoriti, morfologi, kelas kata, binaan suku kata

Abstract

Malaysia has 3 largest minority groups of aborigines. These are the Negrito, Senoi and Proto-Malaya and they are categories as such base on several criteria including language, way of life and physical characteristics. The aboriginal groups maintain the criteria as

inherited identities although they receive influnce by the majority population. The first aborigines or the Orang Asli who entered Tanah Melayu were the Negritos (Iskandar Carey,1976). They were considered 'aborigines' which refers to an inadvanced community, promitive and face problems with modernity (Jasman Ahmad and Rosnah Ramli in Abd Talib Bon, 2002 :1). This article describes the Mendriq language used by a group of Negritos in Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan (with a population of about 300). The language aspects including the morphology of the language is detectable and is considered a significant element to study the uniqueness of the Negrito's language. Observations have shown that although Mandriq has assimilated with the languages of other aborogines such as Temiar due to marriage apart from the influence of the Malay language due to survival, the specific criteria of the language which contains many monosyllabic words can be identified and observed under study. This article will focus on a descriptive approach of a structural study on the forms of word categories such as nouns, verbs, adjectives and adverbs. The discussion will also describe the structural patterns of syllables of Mandriq. It is significant to study these elements of the Mandriq language which plays the role of a medium of communication to the Negritos but also to contribute towards understanding the functions of monosyllabic words of languages including minority languages.

***Keywords**: minority, morphology. word class, syllable structure*

Pengenalan

Para pengkaji bahasa seakan-akan tidak berminat kepada bidang kajian berkaitan orang asli. Ahli-ahli bahasa lebih tertarik kepada kajian-kajian dialek dan juga bahasa sukuan di Sabah dan Sarawak. Kajian terhadap orang asli ini dipelopori oleh ahli-ahli antropologi dan sosiologi, antaranya ialah Zulkifly (1986), Ramlee (1988), Khairul Hisyam (2005) dan ramai lagi. Kajian mereka ini hanya tertumpu kepada aspek budaya, ekonomi dan kehidupan masyarakat orang asli sahaja. Kajian terhadap bahasa orang asli di Malaysia sangat diabaikan.

Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga segelintir ahli-ahli bahasa yang berminat untuk mengkaji bahasa-bahasa orang asli ini, namun bilangannya adalah kecil. Antaranya ialah Collins J,T (1985), Asmah Haji Omar (2006) serta Mohd Sharifudin Yusop (2007). Kajian para pengkaji lepas banyak tertumpu pada bahasa Melayu-Proto sahaja, iaitu suku kaum Orang Kanaq, Jakun serta bahasa Mah Meri. Kajian mengikut disiplin ilmu linguistik terhadap bahasa suku kaum Negrito adalah amat sedikit jika hendak dibandingkan dengan suku kaum orang asli yang lain. Antara pengkaji yang pernah menyentuh tentang bahasa orang Negrito ialah Fauziah Mat (1993) dan Fazal

Mohamed Mohamed Sultan (2009). Manakala kajian mengenai bahasa Mendriq pula hanya dilakukan oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2009) sahaja.

Kajian mengikut disiplin ilmu linguistik terhadap bahasa Negrito ini tidak banyak dibuat. Nik Safiah Karim (1968:404) menyuarakan kebimbangannya dengan menyatakan:

> "Bahasa orang-orang Negrito agak ketinggalan dan ini sangat perlu dikaji dengan segera kerana bilangan penuturnya yang kecil berbanding dengan orang-orang Senoi, dan bilangan ini bertambah kecil dari masa ke masa. Selain itu, mereka juga menghadapi bahaya kehilangan identitinya dengan pertembungan dengan masyarakat Melayu"

Walaupun ada kajian lepas yang pernah menyentuh tentang bahasa suku kaum Negrito, iaitu Fauziah Mat (1993) dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2009). Namun kajian mereka hanya menyentuh tentang, aspek fonologi dialek Jahai dan juga berkenaan dengan struktur sintaksis frasa nama bahasa Bateq. Walaupun Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2009) pernah menjalankan kajian terhadap bahasa Mendriq ini, namun kajian beliau tidak menyentuh tentang bidang morfologi. Kajian beliau hanya melihat dari aspek fonologi, sintaksis dan leksikografi sahaja.

Latar Belakang Orang Asli Di Semenanjung Malaysia

Menurut para pengkaji sejarah, kepulauan Melayu telah mula diduduki oleh manusia yang dipanggil Austronesian atau Malayu-Polynesia sekitar 5,000 tahun dahulu. Mereka ini dikatakan berasal daripada selatan China (Yunan) dan Taiwan. Penghijrahan mereka ke selatan adalah secara 'sporadic', 'irregular' dan 'incremental'. Bermula dari Filipina menganjur ke pulau-pulau Indonesia sehingga ke penghujung tanah besar Asia, pulau-pulau Pasifik dan Madagascar (JHEOA 2009).

Menurut Siti Hajar (2007:3) Istilah 'orang asli' telah diperkenalkan oleh Datuk Anthony Ratos pada tahun 1952 berdasarkan kajian ilmiah beliau mengenai orang asli yang dikemukakan pada Kirby Teacher's College di Liverpool, United Kingdom. Masyarakat orang asli merupakan satu bahagian masyarakat Malaysia yang tersebar di seluruh negeri di semenanjung Malaysia, kecuali Perlis dan Pualu Pinang. Negeri-negeri yang ramai didiami oleh orang asli ialah Pahang, Perak dan Kelantan, kemudian diikuti oleh negeri Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Kedah dan Terengganu (Ramlee bin Abdullah 1988).

Hasil daripada banci penduduk JHEOA 2006, bilangan orang asli ialah seramai 141,230 orang. Jumlah bahasa Austroasiatik di Semenanjung Malaysia hanya terdiri daripada 18 bahasa sahaja (JHEOA 2009). Mereka terbahagi kepada tiga kumpulan kaum orang asli iaitu, Melayu-Proto (Proto-Malay), Negrito dan Senoi (Carey 1976:6). Menurut Khairul Hisyam Kamaruddin (2005:61), taburan kawasan petempatan tiga suku kaum orang asli ini terbahagi kepada tiga zon iaitu zon utara, yang majoriti dikuasai suku kaum Negrito, zon tengah oleh suku kaum Senoi dan zon selatan yang dikuasai suku kaum Melayu-Proto.

Menurut Hasan Mat Nor (2001:8-9), istilah orang asli yang digunakan merujuk kepada kumpulan pribumi yang merupakan gelaran rasmi yang diguna pakai setelah Malaysia mencapai kemerdekaan. Istilah ini membawa konotasi bahawa orang asli itu adalah orang asal atau orang yang awal menduduki negara ini. Di samping itu, istilah 'orang asli' ini juga merujuk kepada kaum yang masih belum maju serta membangun. Gelaran baru yang yang diberikan oleh kerajaan ini telah diterima pakai oleh orang asli sebagai label yang merujuk kepada kaum mereka. Sebelum istilah ini diperkenalkan, orang asli telah dikenali oleh masyarakat lain dengan gelaran seperti orang sakai, semang, orang darat dan pangan. Namun gelaran tersebut sebenarnya tidak disukai oleh mereka kerana gelaran itu mempunyai konotasi yang buruk dan menghina. Lantaran itulah istilah tersebut digantikan dengan istilah orang asli yang dianggap lebih neutral.

Manakala menurut Khairul Hisyam (2005:54-55) pula, istilah orang asli ini boleh didefinisikan berdasarkan kepada Akta 134 iaitu akta khusus bagi orang asli dan akta ini hanya berkuatkuasa bagi semenanjung Malaysia sahaja. Di dalam Akta 134 ini telah termaktub 4 syarat utama bagi mendefinisikan orang asli iaitu:

a) Mana-mana orang yang bapanya adalah dari rumpun bangsa orang asli yang bercakap dalam bahasa orang asli yang lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat serta kepercayaan. Ini termasuklah keturunan orang asli itu; mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh orang asli dan adalah seseorang dari sesuatu masyarakat orang asli.


b) Anak dari apa-apa persatuan antara seseorang perempuan orang asli dengan seseorang lelaki dari kaum lain dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap

dalam bahasa orang asli yang adat dan kepercayaan orang asli yang masih lagi menjadi seseorang dari sesuatu masyarakat orang asli.

c) Mana-mana orang asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan orang asli kerana ia telah masuk sesuatu agama atau oleh kerana apa-apa sebab lain, ia masih mengikut cara hidup orang asli serta bercakap dalam bahasa orang asli tidak boleh disifatkan sebagai tidak lagi menjadi seseorang orang asli semata-mata oleh sebab ia mungkin mengamalkan agama itu.

d) Apa-apa soal sama ada seseorang adalah orang asli atau bukan orang asli hendaklah diputuskan oleh menteri.

Peta 1.1: Taburan Orang Asli di Semenanjung Malaysia



Sumber: Hassan Mat Nor (2001:1)

Siapakah Mendriq, Negrito?

Kumpulan Negrito merupakan kumpulan orang asli yang terawal datang ke rantau ini. Kumpulan Negrito ini telah sampai di sekitar 25,000 tahun yang lalu (Carey 1976:13). Ramai daripada tinggalan ini masih meneruskan cara hidup nomad di kawasan utara semenanjung seperti di Kedah, Kelantan dan Pahang. Sebagai contoh, suku kaum Bateq yang tinggal di kawasan taman negara masih meneruskan kegiatan hidup nomad.

Bentuk fizikal kaum Negrito ini adalah kecil, kulitnya gelap dan rambut keriting (Hasan Mat Nor 2001:6). Orang asli Negrito ini terdiri daripada kumpulan etnik Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq. Mereka mendiami kawasan di sekitar banjaran Titiwangsa yang kebanyakannya berpusat di sebelah utara semenanjung (JHEOA 2009).

Menurut JHEOA (2002), orang Mendriq merupakan satu kelompok suku bangsa Negrito yang terdapat di sekitar hulu sungai Kuala Lah jajahan Gua Musang di negeri Kelantan. Ciri fizikal suku kaum Mendriq adalah sama seperti orang Negrito lain di kepulauan Andaman, Filipina dan selatan negara Thai. Mereka berbadan kecil tetapi sasa. Mereka berambut kerinting halus, berkulit gelap dan berwajah bulat lebar, hidung leper dan berdagu pendek. Orang Mendriq juga diandaikan sebagai tinggalan penghijrahan zaman paleolitik (zaman batu lama) yang melalui semenanjung ke arah kepulauan Pasifik. Bahasa suku kaum Mendriq ialah Austroasiatik yang berbeza daripada bahasa Melayu. Mereka tergolong sebagai penutur rumpun bahasa Mon-Khmer tetapi kini telah banyak menerima kemasukan kosa kata bahasa Melayu.

Pada tahun 1998 jumlah orang Mendriq seramai 167 orang terdiri daripada 21 keluarga. Mereka mendiami kawasan pedalaman yang berhampiran dengan sungai. Orang Mendriq juga seperti kumpulan Negrito yang lain mengamalkan kehidupan berpindah randah untuk menyara hidup mereka. Mengikut perangkaan tahun 2001 terdapat 23 keluarga terdiri seramai 116 orang. Semasa berlakunya banjir merah dan negara di dalam keadaan yang tidak aman, kumpulan ini sering berpindah randah dari Kuala Lah ke Kampung Setar hingga ke Gua Musang. Apabila berlakunya penjajahan Jepun ke Tanah Melayu pada tahun 1948, mereka kembali semula ke kampung asal mereka di Kuala Lah sehinggalah ke hari ini. Mereka telah berjiran dengan masyarakat Melayu di Kuala Lah yang berhampiran dengan penempatan mereka. Kini mereka telah banyak menerima pengaruh pemodenan dan kebanyakan daripada mereka telah menganut agama Islam.

Orang Mendriq tinggal di kawasan pamah berhampiran dengan sungai yang mengandungi banyak spesis tumbuh-tumbuhan, ikan dan haiwan yang menjadi sumber kehidupan mereka. Mereka hanya keluar dari hutan untuk mendapatkan garam dan peralatan besi seperti pisau, kapak dan beliung. Hubungan mereka dengan dunia luar adalah melalui sungai tetapi kini jalan darat telah mula dibina hasil daripada kegiatan pembalakan. Walaupun mereka sudah mula dipengaruhi oleh dunia luar, tetapi pada umumnya mereka masih lagi ketinggalan dari arus pembangunan.

Mereka masih tinggal dalam kalangan mereka sendiri. Pada masa ini penempatan orang Mandriq telah dikelilingi oleh masyarakat Melayu. Walaupun kawasan berhampiran kampung mereka telah dibangunkan oleh kerajaan, namun mereka masih lagi mengamalkan cara hidup berpindah randah untuk mengutip hasil hutan seperti rotan, kayu gaharu dan lain-lain bahan makanan yang boleh dijadikan sumber kewangan (JHEOA 2002).

Objektif dan takrif konsep

Fokus makalah ini secara deskriptif berpendekatan struktural terhadap bentuk-bentuk penggolongan kata seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata sendi nama. Di samping itu, makalah ini turut membicarakan pola kehadiran binaan suku kata bahasa Mendriq.

Menurut Abdullah Hassan (2006), Morfologi merupakan suatu bidang ilmu yang mengkaji bentuk perkataan. Istilah ini dipinjam daripada bidang biologi yang bermaksud kajian mengenai bentuk tubuh haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Konsep bentuk itu kemudiannya diterapkan kepada bentuk perkataan bahasa manusia.

Manakala menurut Nik Safiah Karim et al. (2004:43) pula, morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan pergolongan kata. Struktur kata bermaksud susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama.

Pemaparan Hasil Kajian

A. Bentuk Penggolongan kata

Penggolongan kata merupakan proses menjeniskan dan mengelompokkan perkataan-perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan / atau fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama (Zaharani Ahmad & Harishon Radzi, 1998). Dalam makalah ini, pengkaji memaparkan empat penggolongan kata dalam bahasa Mendriq iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata sendi nama.

1. Kata Nama

Dalam buku *Tatabahasa Dewan* (edisi ketiga) (Nik Safiah Karim et al, 2009:95) telah menjelaskan bahawa kata nama didefinisikan sebagai perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama dan lazimnya perkataan demikian menamakan orang, haiwan, tempat, benda atau konsep. Manakala Asmah Haji Omar (2008:48) menjelaskan bahawa kata nama boleh merupakan kata selapis atau juga kata kompleks dengan jenis-jenisnya yang pelbagai sifatnya, termasuk kata majmuk dan kata gandaan.

Berdasarkan takrif di atas, maka dalam bahasa Mendriq, terdapat kata nama am seperti [penghuluk], [kampung] dan [gerken]; kata nama khas seperti [Anjang Tanjung] dan [Was Leu]. Terdapat juga kata nama untuk binatang seperti [asuk], [gau] dan [badak]. Di samping itu, kata nama merujuk kepada benda ialah [kasot], [kebek] dan [tom] . Data di bawah menyenaraikan kata nama dalam bahasa Mendriq. Penggunaan kata nama dapat diperhatikan dalam ayat seperti berikut:

1. Mendriq : yek penghuluk Anjang Tanjong gel kampong Was Leu.
   Terjemahan: : saya penghulu Anjang Tanjung di kampung Kuala Lah.
   Bahasa Melayu: saya Anjang Bin Tanjung, penghulu kampung di kampung Kuala Lah.
2. Mendriq : lok teh gerken kum dah luk teh pedah tigak ratus orang.
   Terjemahan : masa ini budak banyak dah sampai ini hampir tiga ratus orang.
   Bahasa Melayu: pada masa ini kanak-kanak sudah ramai iaitu hampir tiga ratus orang.

Senarai 1: Kata nama dalam Bahasa Mendriq

BIL.	BAHASA MENDRIQ	TERJEMAHAN
1	Cas	Tangan
2	Kasot	Kasut
3	Ketok	Hari
4	Kebek	Buah
5	Menasak	Masakan
6	Nemsam	Pemburu
7	Hayak	Rumah
8	Kayen	Kain
9	Berak	Kurang
10	Kedei	Kedai
11	Barok	Baru
12	Hep	Hutan
13	Aker	Rotan
14	Belap	Sahaja
15	Manah	Meninggal
16	Ensok	Dunia
17	Hadin	Nanti
18	Cebak	Bukit
19	Ei	Ayah
20	Bek	Ibu
21	Kebon	Kebun
22	Tom	Sungai/air
23	Liwet	Lewat
24	Kenmoh	Nama
25	Kayuk	Pokok
26	Om	Kegemaran
27	Anok	Anak
28	Camok	Esok
29	Gem	Orang
30	Kesei	Suami
31	Bengok	Tinggal/duduk
32	Sayeng	Kawan
33	Ta’ak	Sayur
34	Gen	Budak
35	Tungoi	Malam
36	Tek	Tidur
37	Sepita	Hospital
38	Halei	Ladang
39	Babok	wanita
40	Baber	Adik
41	Bateik	Lantai

42	Aleh	Adik
43	Nes	Katil
44	Baken	Murid
45	Kawau	Burung
46	Tanggoi	Rambutan
47	Upik	Tin
48	Bom	Kawan
49	Temkal	Lelaki
50	Mergak	Puaka
51	Yap	Darah
52	Can	Kaki
53	Ken	Budak kecil
54	Bab	Makanan
55	Asuk	Anjing
56	Tek	Tanah
57	Hak	Milik
58	Kelanges	Hati
59	Waris	Keluarga
60	Je’es	Akar
61	Uhek	Hujan
62	Wek	Berisi
63	Bangsak	Bahasa
64	Gop	Melayu
65	Sakak	Peninggalan
66	Seruel	Seluar
67	Bekek	Penat
68	Lam al	Pagi
69	Mensau	Menantu
70	Bahok	Kakak ipar
71	Kemen	Anak saudara
72	Kesek	Abang
73	Uton	Beg
74	Ken at	Ibu mertua
75	Hentam	Petai
76	Kandeh	Periuk
77	Gau	Babi
78	Lodap	Harimau
79	Aker	rotan
80	Cebak.	bukit
81	Perahok	perahu
82	Rakit	rakit
83	pinang.	Buah pinang
84	Tom	sungai

85	Motosikal.	motorsikal
86	Ujan	hujan
87	Badak	badak
88	Guruh	guruh
89	Petir	petir
90	akar	akar

2.Kata Kerja

Kata kerja dapat didefinisikan sebagai kata yang boleh berfungsi pada predikat ayat (Asmah Haji Omar, 2008:89). Nik Safiah Karim et al pula mendefinisikan kata kerja sebagai perkataan yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja. Frasa kerja tersebut terdiri daripada kata kerja yang boleh disertai beberapa unsur lain seperti kata bantu, objek pelengkap, ayat komplemen dan keterangan (2009:143).

Dalam bahasa mendriq terdapat kata kerja seperti [kerjak], [manau], [tek], [yaw] dan [cep]. Penggunaan kata kerja dalam ayat bahasa Mendriq adalah seperti berikut:

3. Mendriq : kirak ning kerjak alau kerjak macam biasak leh kerjak manau geharok akar bateng.

   Terjemahan : kira tiada kerja. Apa kerja macam biasalah kerja mencari kayu gaharu akar mantang.

   Bahasa Melayu : kami tiada kerja tetap. Kami kerja biasa sahaja iaitu mencari kayu gaharu dan akar mantang.

4. Mendriq : ning wek getah dah. Sejulong tum wek jugak leh. Jadik ketok teh ning wek dah kum ensok / uk kerong.

   Terjemahan : tidak ada getah dah setengah dulu ada jugalah. Jadi hari ini tidak ada dah banyak mati / buruk.

   Bahasa Melayu : Masa dahulu kami ada menanam pokok getah, tetapi sekarang sudah tiada. Sekarang sudah tiada kerana banyak pokok mati.

Senarai 2: Kata kerja dalam bahasa Mendriq.

BIL.	BAHASA MENDRIQ	TERJEMAHAN
1	Kawen	Berkahwin
2	Yeom	Ingin/suka

3	Cik	Makan
4	Teboh	Pukul
5	Or	Suruh
6	Tek	Tidur
7	Rihat	Berehat
8	Cep	Pergi
9	Rayeng	Bersiar-siar
10	Yaw	Membasuh
11	Poi	Menjemur
12	Sehat	Sihat
13	Met	Mendapat
14	Deh	Mari
15	Kedep	Mengutip
16	Rin	Hilang
17	Luwet	Mendaki/memanjat
18	Masak	Memasak
19	Om	Suka
20	Jalak	Menjala
21	Jak	Sudah
22	Hak	Koyak
23	Ngok	Tinggal
24	Bekicek	Berbual-bual
25	Beditpet	Berjumpa
26	Antek	Menghantar
27	Wek	Balik
28	Kaco	Ganggu
29	Benyem	Tinggal
30	Bentek	Kahwin
31	kecip	Sembang
32	Cih	Kerja
33	Cep	Jalan
34	Halu	Berburu
35	Kicek	Bercakap
36	Blew	Sampai
37	Pogiyop	Tipu
38	Beleglup	Suka
39	Prinah	Cakap
40	Chip	Mari/datang
41	Chep	Tengok
42	Bengok	Duduk
43	Chuih	Naik/menaiki
44	Beijin	Menangis
45	Hep	Berjalan

46	Sok	Mati/meninggal
47	Isuh	Mencuci
48	Piilai	Memandi
49	Bekak	Menganga
50	Oin	Dicium
51	Eteik	Mengantuk
52	Hei	Menguap
53	Cik	Memuntahkan
54	Tuh	Menumpahkan
55	Cah	Dipotong
56	Bidan	Meludahi
57	Tik	Berbaring
58	Antom	Berkelahi
59	Bedel	Tembak
60	Cup um	Memberi
61	Kancah	Menggaru
62	Pegeng	Mengusap
63	Sut	Membersihkan
64	lap	Mengelap
65	debeuh	mencari
66	Ngurungling	Bergoyang
67	Cuih	Memanjat
68	Jebik	Membusuk
69	Poi	Menjemur
70	Cap	Menangkap
71	Cep	Mencakar
72	Des	Menjatuhkan
73	Coh	Mematuk
74	Opetebal	Menjatuhkan
75	Bedel	Ditembak
76	Kec	Memotong
77	Keit	Dipotong
78	Yecukok	Mencubit
79	Cukok	Dicubit
80	Bekap	Menyinsing
81	Yeyan	Mendirikan
82	Kicek	Bercakap
83	Ges	Turun
84	Kedep	cari
85	Ilai	Mandi
86	Citoh	Masak
87	Tebes	Potong
88	Yeow	Membawa

89	Kopoi	Terbang
90	Pimej	Membawa balik
91	Tukol	Membaling
92	Tebel	Jatuh
93	Jim	Menangis
94	Cel	Patah
95	Bot	Ambil
96	Res	Terjatuh
97	Mayen	Main
98	Pek	Belah
99	Bebihloh	Bergaduh
100	Halih	Lapar
101	Com	Bakar
102	Pera	Bela
103	Har bew	Jalan
104	Pumpem	Berlari
105	Loi	Berlari
106	Jeweh	Pindah
107	kaco	Ganggu
108	wek	Balik
109	Bumker	Bangun
110	Denik	Timpa
111	Pinlon	Nyanyi
112	Luwek	Panjat/memanjat
113	lew	Datang
114	yey	Menaiki
115	Yema’ek	Ditemu
116	Yemek	Jumpa
117	Kedeh	Cakap
118	Depet	Dapat
119	Beled ed	Tahu
120	Wehngok	Tinggal

3. Kata Adjektif

Kata adjektif juga terdapat dalam bahasa Mendriq. Mengikut *Tatabahasa Dewan*, kata adjektif ditaktrifkan sebagai perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif atau frasa sifat. Frasa adjektif boleh tediri daripada hanya satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur-unsur keterangan yang lain seperti kata bantu atau kata penguat (Nik Safiah Karim et al, 2009:225). Manakala dalam buku

Nahu Kemas Kini pula, Asmah Haji Omar telah mendefinisikan kata adjektif sebagai kata yang menerangkan kata nama (2008:112).

Dalam data mendriq yang dipaparkan dalam senarai di bawah didapati wujud kata adjektif seperti [beuw], [jeom], [peheng] dan [kijom]. Contoh penggunaan kata adjektif dalam ayat adalah seperti berikut:

5. Mendriq : har ken hinggak sok yek bekong. Ning wek lau-lau ai lah.
   Terjemahan : dari kanak hingga rambut saya putih. Tidak ada apa-apalah.
   Bahasa Melayu : semenjak saya kecil sehingga berusia, tiada apa-apa perubahan yang berlaku.

6. Mendriq : arah cari makan yipah beridan teh agak ceteh. Lingkongan tahun lepas yek tanyak pengarah. Uk kedeh wek leh status tek.
   Terjemahan : arah cari makan kami dewasa ini agak lambat. Lingkungan tahun lepas saya Tanya pengarah. Dia kata adalah status tanah.
   Bahasa Melayu: punca rezeki kami kebelakangan ini agak merosot. Lingkungan tahun lepas saya bertanya kepada pengarah dan beliau berkata ada status tanah.

Senarai 3 :Kata adjektif dalam bahasa Mendriq

BIL.	BAHASA MENDRIQ	TERJEMAHAN
1	Petis	Sakit
2	Jeom	Kotor
3	Lawa/aben	Cantik
4	Aben	Sihat
5	Beuw	Besar
6	Kek kek	Demam
7	Dehit	Manis
8	Peheng	Merah
9	Bow	Besar
10	Bekon	Putih
11	Menjek	Tinggi
12	Beltek	Hitam
13	Kejeh	Muda
14	Henjut	Berat
15	Kelurek	Kedekut

16	Bidang	Tua
17	Aben	Baik
18	Manah	Usang
19	bayek	Baik
20	Budok	Jinak
21	Jebik	Buruk
22	Sayeng	Sayang
23	Kijom	Bawah
24	Seng	Depan
25	Tekeh	Belakang
26	Cen'ah	Hadapan
27	Jak	Lama
28	Barok	Baru

4. Kata Sendi Nama

Kata sendi nama tidak dapat hadir dalam ayat secara sendirian. Ianya terbentuk dalam frasa sendi nama yang ditakrifkan sebagai satu binaan dalam ayat yang terdiri daripada satu kata sendi nama dan satu frasa nama yang menjadi pelengkap kepada kata sendi nama itu (Nik safiah Karim et al, 2009:421). Oleh yang demikian, kata sendi nama juga wujud dalam bahasa Mendriq tetapi jumlahnya amat sedikit seperti [har], [lok], [ba] dan [gel]. Penggunaan kata sendi nama dapat diperhatikan dalam ayat berikut:

7. Mendriq : jadik wek gen bincang minggu lepes tandak tom wek gen tukar **ba** tempat peu.
   Terjemahan : jadi ada mereka bincang minggu lepas tandak air ada mereka tukar ke tempat lain.
   Bahasa Melayu : pada minggu lepas mereka berbincang dan terdapat tandak air yang ditukar **ke** tempat lain.

8. Mendriq : tukar ba tom hentur. Tom beu tom latak.
   Terjemahan : tukar ke air sungai. Air besar air terjun.
   Bahasa Melayu: tukar kepada air sungai. Air besar dan air terjun.

Senarai 4: Kata sendi nama dalam bahasa Mendriq

BIL.	BAHASA MENDRIQ	TERJEMAHAN
1	Har	dari
2	hinggak	hingga
3	Lok	dengan
4	Lo/ be	dengan
5	Gel / la	di
6	Jadik	jadi
7.	Ba	ke / kepada

Berdasarkan penghuraian berkenaan penggolongan kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata sendi nama yang wujud dalam bahasa Mendriq, jelas menunjukkan bahawa aspek penggolongan kata sangat meluas dipakai dalam bahasa tersebut kerana penggolongan kata perlu untuk menggambar, menjelas, dan menunjukkan perlakuan dalam kehidupan seharian menutur bangsa Negrito.

A. Pola Binaan Suku Kata

Suku kata ialah deretan bunyi suara yang mempunyai satu puncak kelantangan di antara dua kelantangan minimum. Pada setiap kata yang dituturkan terdapat sekurang-kurangnya satu bunyi yang jelas daripada bunyi yang lain. Tegasnya ada bunyi yang lebih lantang daripada bunyi-bunyi lain yang berdekatan dengannya (Abdul Hamid Ahmad 1993:31).

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2004:61), jika dilihat dari segi penyukuan kata, perkataan boleh mengandungi satu suku kata atau beberapa suku kata. Menurut beliau lagi, sesuatu suku kata boleh terdiri daripada satu vokal (V) sahaja, satu vokal disertai dengan dengan satu konsonan (K), atau satu vokal dengan beberapa konsonan. Konsonan-konsonan itu boleh hadir di hadapan mahupun di belakang vokal.

Melalui kajian yang dijalankan, didapati kata tunggal bahasa Mendriq terbahagi kepada tiga jenis iaitu, kata tunggal satu suku kata, kata tunggal dua suku kata dan juga kata tunggal yang terdiri daripada tiga suku kata.

1. Kata Tunggal Satu Suku Kata

Bahasa Mendriq agak unik dan berbeza dengan bahasa Melayu. Hal ini kerana, kebanyakan kata tunggal bahasa Mendriq terdiri daripada satu suku kata dan kata tunggal

ini lazimnya tergolong dari golongan kata kerja. Manakala bagi bahasa Melayu pula, kebanyakan perkataan yang terdiri daripada satu suka kata ini ialah dari golongan kata nama. Dalam bahasa Mendriq terdapat beberapa pola gabungan konsonan-vokal yang boleh dilihat dalam kata tunggal satu suku kata. Pola Gabungan Konsonan (K)-Vokal (V) bagi Kata Tunggal Satu Suku Kata bahasa Mendriq adalah seperti yang berikut:

1. VK

i.	El	*'lihat'*
ii.	Om	*'mahu'*
iii.	Am	*'minum'*

2. KVK

i.	ŋok	*'duduk'*
ii.	Kah	*'pukul'*
iii.	Was	*'kuala'*

2. Kata Tunggal Dua Suku Kata

Dalam bahasa Mendriq terdapat beberapa pola gabungan konsonan-vokal yang boleh dilihat dalam kata tunggal dua suku kata. Antara pola-pola kata tunggal dengan dua suku kata adalah seperti berikut:

1. V + VK

i.	Uuk	*'dia'*
ii.	Oon	*'situ'*
iii.	Aei	*'bapa'*

2. KVV

i.	Nai	*'satu'*
ii.	Bai	*'gali'*
iii.	Dei	*'sampai'*

2. V + KVK

i. Aben *'indah'*

ii. Asuk *'anjing'*

3. KV + KVK

i. Babok *'perempuan'*

ii Kedap *'cari'*

iii. Manok *'ayam'*

4. KVK + KVK

i. Temkal *'Lelaki'*

ii. Menrak *'orang'*

3. Kata Tunggal Tiga Suku Kata

Jumlah kata tunggal dengan tiga suku kata dalam bahasa Mendriq terlalu terhad bilangannya. Antara pola-pola kata tunggal dengan tiga suku kata adalah seperti berikut:

1. KV + KV + KV

i. Keladu *'kalkatu'*

ii. Jelayu *'kera'*

2. KV + KV + KVK

i. Kerajeh *'pemuda'*

ii. Keradah *'pemudi'*

iii. Beridan *'tua'*

Kesimpulan

Aspek penggolongan kata amat jelas penting dalam bahasa Mendriq. Banyak perkara, dan konsep perlu digambarkan dengan jelas melalui penggunaan penggolongan kata yang sesuai seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata sendi nama. Justeru, kajian yang dilakukan berdasarkan penggunaan kaedah rakaman, kaedah temubual dan kaedah

bercerita telah berjaya mendapatkan banyak bentuk penggolongan kata dalam bahasa Mendriq. Selepas semua data diperolehi, pengkaji mula mentranskripsikan data tersebut dan kemudian diikuti pula dengan proses menganalisis data. Selain aspek penggolongan kata, pengkaji juga turut melihat binaan suku kata dalam bahasa Mendriq. Melalui kajian yang dijalankan, didapati kata tunggal bahasa Mendriq terbahagi kepada tiga jenis iaitu, kata tunggal satu suku kata, kata tunggal dua suku kata dan juga kata tunggal yang terdiri daripada tiga suku kata.

Kajian bahasa orang asli Negrito kurang diberi perhatian oleh ahli-ahli bahasa. Mereka lebih suka melihat bahasa orang asli dari suku kaum yang lain iaitu Senoi dan juga Melayu-Proto. Selain itu, kajian bahasa yang dijalankan oleh mereka juga hanya cenderung pada bidang fonologi dan sosiolinguistik sahaja. Kejayaan penyelidikan ini boleh dianggap sebagai pembuka jalan terhadap tindakan seterusnya bagi memperluaskan lagi pengkajian terhadap bidang morfologi bahasa orang asli dari suku kaum Negrito khususnya bahasa orang Mendriq. Melalui kajian yang dijalankan ini juga, pengkaji berjaya merekodkan bahasa Mendriq sebelum bahasa tersebut pupus ditelan arus pemodenan. Hal ini kerana kebanyakan generasi muda masyarakat Mendriq pada hari ini kurang menggunakan bahasa Mendriq sebagai bahasa komunikasi harian. Mereka lebih gemar menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan sesama mereka. Keadaan ini berlaku kerana wujudnya pertembungan sosial di antara masyarakat Mendriq dengan masyarakat Melayu. Apatah lagi kedudukan kaum mendriq adalah bersifat minoriti dalam kontek negara Malaysia.

Penghargaan

Kertas ini merupakan sebahagian daripada analisis penyelidikan bagi projek UKM-GUP-PLW-08-11-047 (Kajian Linguistik Bahasa Mendriq).

Rujukan

Abdullah Hassan. 2006. *Morfologi: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.

Abdul Hamid Ahmad. 1993. *Fonologi Bahasa Sungai di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ajid Che Kob. 1985. *Dialek Geografi Pasir Mas*. Monograf 3. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Asmah Haji Omar. 2006. *Bahasa Mah Meri: Fonologi dan Morfologi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Asmah Haji Omar. 2008. *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.

Azhar Harun dan Nawi Abdullah. 2004. *Metodologi Penyelidikan Ekonomi Dan Sains Sosial*. Singapura: Thomson Learning.

Carey, I. 1976. Orang *Asli: The Aborigional Tribes of Peninsula Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Collins J,T. 1985. Dialek Melayu di Kampung Landai Pahang: Menuju Penelitian Tatabahasa Melayu di Kalangan Orang Asli. *Jurnal Dewan Bahasa* 29:476-493.

Fauziah Mat. 1993. *Dialek Jahai: Satu Kajian Fonologi*. Latihan Ilmiah.UKM. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad &

Harishon Radzi. 2009. *Prosiding Bengkel Kajian Linguistik Bahasa Mendriq*. Bangi: UKM.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2009. Struktur Sintaksis Frasa Nama Bahasa Bateq. *GEMA Online Journal of Language Studies* 9(1): 47-61.

Haizatul Sima Sahrom. 2008. *Masalah Penyebutan Fonem Konsonan Bahasa Melayu oleh Remaja Sindrom Down: Satu Kajian Kes*. Latihan Ilmiah.UKM.

Hasan Mat Nor. 2001. *Salib dalam Komuniti Pinggiran*. Kota Kinabalu: Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2009). Orang Mendriq. (Online) [14 ogos 2009], dari http://www.jheoa.gov.my.

Kamus Dewan Edisi ke Tiga. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

JHEOA. 2002. *Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli*. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Khairul Hisyam Kamaruddin. 2005. *Merangka Strategi Pembangunan Mapan Komuniti Orang Asli: Suatu Penilaian Tahap Kemampanan Komuniti Temiar di*

Rancangan Pengumpulan semula (RPS) Legap & Pos Kuala Mu, Daerah Kuala Kangsar, *Perak*. Ijazah Sarjana. UTM. (http://eprints.utm.my).

Mohd Sharifudin Bin Yusop. 2007. Keusangan Bahasa Orang Melayu-Proto: Kajian Sosiolinguistik Bahasa Terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor. Ijazah Doktor Falsafah. UKM.

Nik Safiah Karim. 1968. Penyelidikan Bahasa-bahasa Orang Asli di Tanah Melayu. *Dewan Bahasa*. Jilid xii. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2009. *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.

Nor Hashimah Jalaluddin. 2007. *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa danPustaka.

Ramlee bin Abdullah. 1988. *Komuniti Orang Asli Semaq Beri*. Ijazah sarjana Falsafah. Bangi: UKM.

Ramli Md. Salleh. 2007. Morfologi. Dlm. Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman (pnyt.). *Linguistik Melayu*, hlm. 61-68. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Samarin, W.J. 1993. Linguistik *Lapangan: Panduan Kerja Lapangan Linguistik*. Terj.Kamarulzaman Mahayiddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shariffulizan Malek. 2003. Fonologi Vokal Rangkap dan Kepelbagaian Dialek Melayu: Satu Analisis Teori Optimaliti. Ijazah Sarjana.Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Hajar Binti Muhamad Hasim. 2007. Kata Panggilan dalam Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jakun di KG. Sg. Sayong Pinang, Kota Tinggi Johor, Johor: Suatu Analisis Sosiolinguistik. Latihan Ilmiah. UKM.

Zeckqualine Melai. 2007. Fonologi dan Morfologi dalam Bahasa Punan: Kajian Kes di Rumah Panjang Punan Bah, Belaga, Sarawak. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulkifly Hj. Mustapha. 1986. Pembangunan Ekonomi Orang Asli: Satu Pemerhatian Terhadap Senario Pembangunan Komuniti Jah Het di Kuala Krau, Pahang. *Kertas Kerja untuk Simposium ke dua Kehidupan dan Pembangunan Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Bangi: UKM.